

JALUR GEMILANG KEKACANG TERPANJANG MALAYSIA

Pada 8 September 2007, penghuni Kolej Cemara/ Akasia UiTM Seksyen 18 Shah Alam telah membina bendera yang diperbuat daripada kekacang terpanjang sepanjang 73.92 meter. Projek ini dibuat hasil gabungan pelajar-pelajar INTEC, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Muzik. Di samping itu projek ini juga merupakan lambang kerjasama dan perpaduan kerana ia menggabung tenaga pelajar khususnya pelajar INTEC yang terdiri daripada pelajar pelbagai kaum. Rekod ini telah diiktiraf oleh Malaysia Book Of Record pada hari yang sama dalam kategori "Human Achievement". Jalur Gemilang itu telah disempurnakan dalam masa 3 jam (bermula 8.00 am sehingga 11.00 am) dengan menggunakan 510kg kekacang dan kekuatan pembantu sukarelawan seramai 150 orang di Dewan Makan Kolej Cemara-Akasia. Jenis-jenis kekacang yang digunakan ialah kacang merah untuk warna merah, kacang dhal untuk warna kuning dan barli untuk warna biru dan juga putih. Barli diwarnakan dengan warna biru untuk bahagian Jalur Gemilang yang berwarna biru. Tahap kebersihan sangat dititik beratkan dalam projek ini. Kekacang disusun di atas meja yang telah dibersihkan dan dibalut dengan kertas putih. Meja disusun secara melingkar untuk mencapai panjang yang diperlukan. Sempena bulan Ramadhan yang bakal menjelma, kekacang yang telah digunakan akan diagihkan ke rumah anak yatim, rumah orang tua, masjid-masjid dan komuniti sekitar Seksyen 18 sebagai salah satu sumbangan sosial kami kepada komuniti. Kekacang juga akan dijadikan bubur kacang untuk diberikan sebagai 'moreh' selepas solat tarawih nanti.

